

500 penduduk terjejas jambatan runtuh

Oleh YATIMIN ABDULLAH
berita@kosmo.com.my

PASIR MAS – Lebih 500 penduduk di tiga buah kampung iaitu Kampung Kelar Tok Raja, Bemban dan Binjai dekat sini berdepan kesulitan apabila jambatan yang menjadi laluan utama mereka ke bandar Pasir Mas runtuh sejak dua bulan lalu.


Akibat runtuhan tersebut, penduduk di tiga buah kampung berkenaan terpaksa berulang-alik menggunakan laluan alternatif sejauh tiga kilometer untuk ke jalan utama sebelum ke bandar Pasir Mas.

Wakil penduduk, Raja Ruzman Raja Bidin berkata, jambatan berkenaan merupakan laluan utama penduduk di tiga buah kampung berkenaan untuk ke pusat bandar kerana jaraknya dari jalan utama hanya sejauh satu kilometer.

Menurutnya, jambatan berusia lebih 30 tahun itu runtuh selepas sebuah lori yang sarat dengan muatan tar melaluinya.

“Akibat lebihan muatan, jambatan tersebut tidak mampu menampung beban yang dibawa lori berkenaan mengakibatkannnya runtuh.

“Sejak jambatan ini runtuh, aktiviti harian penduduk di tiga buah kampung berkenaan terjejas. Jika masalah ini berterusan ia akan merumitkan



RAJA RUZMAN menunjukkan kesan runtuhan jambatan berdekatan Kampung Kelar Tok Raja, Pasir Mas semalam.

aktiviti harian penduduk,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Tinjauan mendapati struktur keseluruhan jambatan yang menjadi penghubung kepada penduduk di tiga buah kampung berkenaan runtuh sepenuhnya dan memerlukan binaan baharu.

Jambatan tersebut merupakan laluan utama penduduk selain digunakan untuk membawa keluar hasil tanaman pertanian di kampung berke-

naan.

Seorang penduduk, Nik Shahrul Azwan Nik Soh, 25, berharap pihak bertanggungjawab dapat membina jambatan baharu bagi memberikan kemudahan kepada penduduk.

Katanya, pembinaan jambatan baharu tersebut amat penting kepada penduduk kampung kerana ia merupakan laluan utama untuk ke bandar Pasir Mas.